



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI SARAWAK**

Tingkat 6, Bangunan Tun Datuk Patinggi Tuanku Hj. Bujang  
Jalan Simpang Tiga  
93594 KUCHING, SARAWAK  
MALAYSIA

Tel : 6082-524 524  
Faks : 6082-524 599  
Laman Web : <http://www.anm.gov.my/index.php/utama-kuching>

Ruj. Kami : JANSWK/03/1004/2 (10)  
Tarikh : **31** Oktober 2022

**SEMUA PTJ DI BAWAH SELIAAN  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI SARAWAK**

Tuan/Puan,

**PENJELASAN MENGENAI MINIT MESYUARAT PENGECUALIAN INDEN KERJA DAN  
PERTANYAAN MENGENAI PENGECUALIAN ePEROLEHAN MELALUI ELECTRONIC  
GOVERNMENT PROCUREMENT APPLICATION (eGPA)**

Dengan hormatnya saya di arah merujuk kepada Minit Mesyuarat Pengecualian Inden Kerja dan Pertanyaan Mengenai Pengecualian ePerolehan Melalui Electronic Government Procurement Application (eGPA) oleh pihak Bahagian Pengurusan Operasi dan Pejabat Perakaunan (BPOPP) JANM Putrajaya bertarikh 25 Oktober 2022 berkaitan perkara di atas.

2. Dimaklumkan satu mesyuarat di antara pihak JANM Putrajaya bersama pihak Kementerian Kewangan telah diadakan pada 13 Oktober 2022 bagi memutuskan beberapa perkara berkaitan pengecualian ePerolehan melalui Electronic Government Procurement Application (eGPA).
3. Pihak JANM Negeri Sarawak amat mengambil berat mengenai isu ketidakpatuhan PTJ dalam pengeluaran Pesanan Kerajaan dan Inden Kerja (termasuk tanggungan kontrak dan kontrak kerja). Sehubungan itu, semua PTJ dikehendaki untuk mematuhi tatacara perolehan yang berkuatkuasa terutamanya tempoh pengeluaran Pesanan kerajaan atau Inden Kerja sebelum melaksanakan sesuatu perolehan. Bersama-sama ini dikemukakan **Lampiran A - Cabutan Minit Mesyuarat**, keputusan mesyuarat (maklumbalas Kementerian Kewangan) untuk rujukan pihak tuan/puan selanjutnya.
4. Arahan ini berkuatkuasa serta merta mulai dari tarikh surat ini. Segala kerjasama pihak tuan/puan berkaitan perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(HAZELLENY HAFIZA BINTI HAJI HAZEMI C.A (M))**  
b/p Pengarah Negeri  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Sarawak

1.0 ISU KETIDAKPATUHAN PTJ DALAM PENGELUARAN INDEN KERJA ATAU TANGGUNGAN DI iGFMAS

Bil	Perkara	Keputusan Mesyuarat
1.1	<p><b>PERMOHONAN PENGECUALIAN DI BAWAH PPI/PK4.2 BAGI PENGGUNAAN INDEN KERJA SECARA MANUAL DAN PEMBAYARAN MELALUI INVOIS TANPA PESANAN TEMPATAN (PT)</b></p> <p>Pihak Kementerian ABC memaklumkan telah menerima permohonan dari PTJ untuk pembayaran bagi penggunaan <b>Inden Kerja Manual tanpa mengeluarkan Inden Kerja iGFMAS</b>. Kementerian Kewangan (MOF) memberikan maklumbalas bahawa isu berkaitan pembayaran Inden Kerja bukan merupakan isu perolehan. Sebaliknya merupakan isu pembayaran yang perlu selaras dengan AP95. Sekiranya terdapat perkara yang memerlukan kepada pengecualian kepada AP95 ini, ia perlu diselesaikan dengan Pejabat Pembayar masing-masing utk dirujuk kepada Bahagian Khidmat Perunding (BKP) selaku pemilik AP95 tersebut.</p> <p>Merujuk kepada maklumbalas daripada Kementerian Kewangan berkaitan penggunaan inden kerja secara manual, Kementerian ABC mohon pencerahan berkaitan kaedah pembayaran yang boleh dilakukan oleh PTJ memandangkan inden kerja manual telah dikeluarkan tanpa kelulusan Pejabat Perakaunan. Seperti yang dimaklumkan oleh PTJ, mereka tidak dapat memproses pembayaran inden kerja iGFMAS disebabkan perkara berikut:</p>	<p><b>1. Mesyuarat mengambil maklum :</b></p> <p>i. Pekeliling Perbendaharaan PK 4.2 - Surat Setuju Terima, Pesanan Kerajaan Dan Inden Kerajaan Bagi Perolehan Kerajaan (Pindaan 30 Ogos 2021) - Lampiran 20 - GARIS PANDUAN PENGGUNAAN INDEN KERAJAAN DALAM PEROLEHAN KERJA KERAJAAN</p> <p><b><u>Tatacara Penggunaan Inden Kerajaan – Perenggan 2.1 &amp; 3.3.1</u></b></p> <p>2.1 Inden Kerajaan Pelaksanaan Kerja perlu <b>dikeluarkan terlebih dahulu kepada kontraktor SEBELUM</b> kontraktor boleh memulakan kerja.</p> <p>3.3.1 Format Inden Kerajaan (Persekitaran Manual) hanya digunakan <b>sekiranya terdapat gangguan sistem sahaja</b>.</p> <p>ii. Selaras dengan Manual Prosedur Kerja Material (MPK) Material Management - MPK – MM 04 (<b>Perenggan 5.0</b>), PTJ hendaklah mendapatkan <b>kelulusan daripada Pejabat Perakaunan bagi penggunaan Inden Manual sekiranya terdapat gangguan kepada sistem iGFMAS</b>.</p>

	<p>i. Tarikh Inden Kerajaan manual adalah berbeza dengan tarikh Inden Kerajaan iGFMAS yang didaftarkan dalam Sistem iGFMAS; dan</p> <p>ii. Tempoh siap kerja sebenar yang perlu dikunci masuk dalam Sistem iGFMAS adalah sebelum tarikh daftar Inden Kerajaan iGFMAS iaitu 25 Julai 2022.</p> <p>JANM berpandangan, Arahan Perbendaharaan 95 menyatakan PTJ perlu menyelenggara buku vot dengan menunjukkan dengan jelas maksud perbelanjaan termasuk tanggungan mengikut bila ia dilakukan. Semua tanggungan yang belum diselesai pada akhir tahun kewangan sebelumnya hendaklah dibawa ke hadapan dalam buku Vot atau buku vot elektronik tahun yang baru.</p> <p>Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 7 Tahun 2018 menyatakan kawalan penyediaan Arahan Perbendaharaan dengan memastikan dokumen sokongan hendaklah lengkap termasuk Pesanan Kerajaan. Takrifan Pesanan Kerajaan adalah termasuk Tanggungan Kontrak. PTJ melalui Kementerian perlu mendapatkan kelulusan MOF bagi ketidaktentuan AP95.</p>	<p>iii. MOF berpandangan Kementerian boleh memberi peringatan yang serius kepada PTJ bagi kegagalan mengeluarkan Inden Kerajaan dengan merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia – <b>Tatakelakuan dan Pengurusan Tataertib Pegawai Awam (Versi 1.0 (2022))</b> yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di bawah :</p> <p>Tanggungjawab Pegawai Awam -</p> <p>4. Pegawai awam hendaklah:</p> <p>(j) <b>tidak</b> cuai melaksanakan tugas.</p> <p><b>Makluman</b></p> <p>2. <b>Mesyuarat memutuskan :</b></p> <p>i. Selaras dengan Manual Prosedur Kerja Material (MPK) Material Management - MPK – MM 04 (<b>Perenggan 5.0</b>), PTJ hendaklah mendapatkan <b>kelulusan daripada Pejabat Perakaunan bagi penggunaan Inden Manual sekiranya terdapat gangguan kepada sistem iGFMAS dengan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Perenggan 5.0 seperti berikut :</b></p> <p>5.2.1 memasti dan mengesahkan <b>peruntukan adalah mencukupi</b> sebelum mengemukakan permohonan.</p>
--	---	--

<p><b>2.2</b></p>	<p><b>Pesanan Kerajaan (Tanggungjawab Kontrak) yang tidak ditanggung di iGFMAS</b></p> <p>Sebuah PTJ di Kementerian XYZ yang tidak membuat tanggungan kontrak sewaan pejabat di iGFMAS pada bulan Disember 2021 (selepas tarikh penutupan akaun), dan ingin memohon pengecualian bagi pembayaran berkenaan ke MOF melalui eGPA.</p> <p>Permohonan tersebut ditolak oleh MOF kerana eGPA hanyalah bagi pengecualian perolehan di bawah ePerolehan sahaja. Email telah dikemukakan kepada Bahagian Perolehan Kerajaan dan jawapan yang diterima adalah "Bahagian Perolehan Kerajaan tidak mempunyai kuasa untuk meluluskan perolehan sewaan ruang pejabat. Sehubungan itu, sebarang isu bayaran yang berbangkit hendaklah dirujuk dengan Jabatan Akauntan Negara". Kementerian XYZ telah membuat pertanyaan kepada BKP dan BKP menyarankan isu berkenaan perlu dikemukakan kepada Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat (BKSK) dan Jabatan sedang menunggu kelulusan bagi permohonan pengecualian ini.</p>	<p>5.2.2 mengemas kini maklumat J.K.R.58 – Pin. 1/2020 ke dalam sistem iGFMAS sebaik sahaja sistem kembali beroperasi bagi tujuan tanggungan. Inden Kerajaan Manual hendaklah dikepulkan bersama Inden Kerajaan elektronik.</p> <p>5.2.3 menyenggara daftar borang Inden Kerajaan Manual yang mengandungi maklumat seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. nombor rujukan kelulusan Pejabat Perakaunan;</li> <li>ii. nombor dokumen Inden Kerajaan Manual;</li> <li>iii. nombor dokumen Inden Kerajaan iGFMAS;</li> <li>iv. tarikh Inden Kerajaan Manual dan Elektronik; dan</li> <li>v. amaun</li> </ol>				
<p><b>2.3</b></p>	<p>Mesyuarat mengambil maklum bagi senario-senario lain yang dibangkitkan seperti berikut :</p> <table border="1" data-bbox="1193 1086 1380 1848"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Senario</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Inden Manual <u>Dikeluarkan</u></li> <li>• Inden iGFMAS <u>tidak dikeluarkan</u></li> </ul> </td> </tr> </tbody> </table>	Bil	Senario	1.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Inden Manual <u>Dikeluarkan</u></li> <li>• Inden iGFMAS <u>tidak dikeluarkan</u></li> </ul>	<p>ii. <b>Keputusan di atas terpakai bagi Senario 1,2 dan 3 pada perkara 2.3.</b></p> <p>iii. Manakala bagi senario 4 di mana Inden Manual dan iGFMAS (Inden/ Tanggungan Kontrak) yang tidak dikeluarkan, ianya perlu dirujuk kepada MOF iaitu Bahagian Bahagian Kawalan Kewangan Strategi Korporat (BKSK) dengan membuat permohonan untuk mendapatkan</p>
Bil	Senario					
1.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Inden Manual <u>Dikeluarkan</u></li> <li>• Inden iGFMAS <u>tidak dikeluarkan</u></li> </ul>					

<p>2.           •    <b>Inden Manual <u>Dikeluarkan</u></b>          •    <b>Inden iGFMAS <u>lewat dikeluarkan</u> iaitu SEMASA</b> kerja berjalan</p>	<p>pertimbangan pengecualian kepada Arahan Perbendaharaan (AP) 95 daripada Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) kerana kuasa AP adalah di bawah KSP. Perkara ini amat dipandang serius oleh MOF agar PTJ mematuhi AP yang berkuatkuasa. <b>Pemohonan yang tidak dipertimbangkan boleh menyumbang kepada pembayaran di bawah AP59.</b></p> <p><b>Kementerian hendaklah memberi peringatan kepada PTJ melalui taklimat dan juga surat edaran</b> agar PTJ memberikan perhatian untuk patuh kepada PK 4.2 iaitu tidak lewat mengeluarkan Inden Kerja/Tanggung Kontrak di iGFMAS bagi perolehan yang dicekualikan daripada Sistem eP.</p> <p><b>Tindakan : Kementerian dan PTJ</b></p> <p>iv. Manual Prosedur Kerja Material (MPK) Material Management - MPK – MM 04 (<b>Perenggan 5.0</b>) <b>disemak semula bagi melihat keperluan senario Inden Manual yang dibenarkan selain gangguan sistem.</b></p> <p><b>Tindakan : BPOPP , BPTM, PPPA</b></p>
<p>3.           •    <b>Inden Manual <u>Dikeluarkan</u></b>          •    <b>Inden iGFMAS <u>lewat dikeluarkan</u> iaitu SELEPAS</b> kerja sempurna</p>	
<p>4.           •    <b>Inden Manual <u>Tidak Dikeluarkan</u></b>          •    <b>Inden iGFMAS <u>Tidak Dikeluarkan</u></b></p>	

**2.0 PERMOHONAN PENGECUALIAN eP MELALUI ELECTRONIC GOVERNMENT PROCUREMENT APPLICATION (eGPA)**

Mesyuarat mengambil maklum mengenai penjelasan yang diperlukan oleh Pejabat Perakaunan mengenai permohonan pengecualian eGPA seperti berikut :

Bil	Perkara	Keputusan Mesyuarat
2.1	<p><b>Amaun terkurang bayar selepas bayaran eP sempurna</b></p> <p>Selepas proses bayaran telah selesai, PTJ ABC mendapati <b>amaun terkurang bayar ekoran invoice yang disediakan oleh pembekal dalam sistem eP terkurang</b> amaun sebanyak RM500.00.</p> <p>Arahan bayaran telah selesai diperaku oleh Pegawai. Pada masa yang sama, syarikat telah menuntut amaun yang terkurang bayar.</p> <p>Pengesahan samada situasi ini memerlukan kelulusan eGPA.</p>	<p>i. Sekiranya kontrak telah luput atau perolehan secara <b>One-Off</b>, PTJ hendaklah kemukakan permohonan melalui eGPA di bawah kategori <b>"Pengecualian kepada Perolehan Kerajaan, Pembayaran Luar Kontrak"</b>.</p> <p>Sekiranya kontrak masih berkuat kuasa, sila kemukakan permohonan melalui eGPA di bawah kategori <b>"Pengecualian kepada Perolehan Kerajaan, Tanpa Pesanan Pembelian Kerajaan."</b></p> <p>ii. Sebagai tindakan <i>preventive</i>, PTJ perlu memastikan semakan dibuat secara terperinci semasa semakan invoice yang diterima dari pembekal dan PTJ boleh membuat penolakan ke atas invoice berkenaan di dalam Sistem eP bagi mengelakkan perkara ini berulang.</p>

**Makluman**

Bil	Perkara	Keputusan Mesyuarat
2.2	<p><b>Pesanan Kerajaan Terbatal</b></p> <p>Pesanan Kerajaan telah dicipta dan diserahkan kepada pihak Pembekal. Namun, disebabkan tiada pengesahan dibuat oleh pembekal dalam masa 14 hari menyebabkan <b>Pesanan Kerajaan tersebut terbatal oleh sistem</b>. Pengesahan samada situasi ini memerlukan kelulusan eGPA.</p>	<p>Sekiranya <b>invois telah dikemukakan oleh pembekal</b> (agensi terima invois), PTJ perlu mengemukakan permohonan melalui eGPA di bawah kategori <b>"Pengecualian kepada Perolehan Kerajaan, Tanpa Pesanan Pembelian Kerajaan."</b></p> <p style="text-align: right;"><b>Makluman</b></p>
2.3	<p><b>Kegagalan mengeluarkan Pesanan Kerajaan bagi sewaan bangunan disebabkan kelulusan daripada pelbagai pihak ambil masa yang panjang.</b></p> <p>Situasi pembayaran adalah melibatkan <b>sewa bangunan untuk dua (2) bulan (Julai dan Ogos 2020)</b> bagi sekolah yang dilanjutkan atas sebab kelewatan untuk pengeluaran <i>Certificate of Practical Completion (CPC)</i> dari tarikh dijangkakan.</p> <p><b>Kontrak sewa perjanjian bangunan ini telah tamat pada 30 Jun 2020.</b></p> <p>Memandangkan lanjutan tempoh hanya dua (2) bulan dan memerlukan kelulusan banyak pihak (BOMBA, JPPH, KPKK, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Persekutuan), <b>kontrak sewa perjanjian tambahan hanya siap ditandatangani sepenuhnya pada awal Tahun 2022.</b></p> <p>Maka <b>tiada Pesanan Kerajaan dikeluarkan bagi tempoh sewa tambahan Julai dan Ogos 2020</b>. Merujuk kepada</p>	<p>i. Merujuk kepada PK5.1, para 8.8.1 (a) sewa bangunan dikecualikan dari penggunaan sistem eP. Justeru, bagi senario ini, tiada permohonan pengecualian melalui eGPA diperlukan kerana tanggungan kontrak dibenarkan di dalam iGFMS seperti mana pengecualian yang diberikan oleh MOF.</p> <p>ii. Sekiranya PTJ tersilap menggunakan Sistem eP (menu eKontrak), di mana invois telah dikemukakan oleh pembekal (agensi terima invois), sila kemukakan permohonan melalui eGPA di bawah kategori "Pengecualian kepada Perolehan Kerajaan, Tanpa Pesanan Pembelian Kerajaan." Ini berikutan PTJ telah menggunakan sistem eP dan pembayaran perlu dibuat dengan mendapatkan kelulusan eGPA.</p>

Bil	Perkara	Keputusan Mesyuarat
	<p>PK5.1, para 8.8.1 (a) sewa bangunan dikecualikan dari penggunaan sistem eP dan pembayaran boleh dibuat melalui sistem JANIM. Pengesahan samada situasi ini memerlukan kelulusan eGPA.</p>	<p><b>Makluman</b></p>
2.4	<p><b>Tidak dapat membuat tanggungan ekoran kekangan peruntukan bagi kontrak yang masih berkuatkuasa.</b></p> <p><b>PTJ tidak dapat mengeluarkan Pesanan Kerajaan bagi perkhidmatan sewaan bulan Disember 2021 kerana kekangan peruntukan.</b></p> <p>Contoh senario:                      Kelazimannya sewaan klinik komuniti bagi bulan Disember dapat dibayar selewat-lewatnya pada bulan Mei tahun berikutnya setelah mendapatkan kelulusan AP58(a) sahaja.</p> <p>Di bawah peraturan terkini, PTJ diminta oleh Pejabat Perakaunan untuk menyatakan nombor Pesanan Kerajaan Sewaan Klinik bagi bulan Dis serta Kelulusan AP58(a) untuk tujuan bayaran. Sekiranya tiada nombor Pesanan Kerajaan, Pejabat Perakaunan mengarahkan PTJ agar memohon kelulusan eGPA ke MOF.</p> <p>Pihak PTJ telah mengangkat permohonan eGPA melalui Kementerian dan masih tidak menerima sebarang keputusan setakat ini. Dalam pada masa yang sama pemilik-pemilik premis klinik komuniti terlibat terus menerus mendesak dan menekan jabatan agar membuat bayaran dengan segera. Jabatan khuatir kegagalan melaksanakan bayaran akan menyebabkan klinik komuniti dirantai oleh pemilik premis sekaligus tular dan</p>	<p>i. Merujuk kepada PK5.1, para 8.8.1 (a) sewa bangunan dikecualikan dari penggunaan sistem eP. Justeru, bagi senario ini, tiada permohonan pengecualian melalui eGPA diperlukan kerana tanggungan kontrak dibenarkan di dalam iGFMSA sepertimana pengecualian yang diberikan oleh MOF.</p> <p>ii. Sekiranya PTJ tersilap menggunakan Sistem eP (menu eKontrak), di mana invoice telah dikemukakan oleh pembekal (agensi terima invoice), sila kemukakan permohonan melalui eGPA di bawah kategori "Pengecualian kepada Perolehan Kerajaan, Tanpa Pesanan Pembelian Kerajaan." Ini berikutan PTJ telah menggunakan sistem eP dan pembayaran perlu dibuat dengan mendapatkan kelulusan eGPA.</p> <p><b>Makluman</b></p>



<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Keputusan Mesyuarat</b>
	<p>menjelaskan imej Jabatan dan Kementerian.</p> <p>Bagi mengelakkan isu eGPA yang tidak berkesudahan ini, bagi sewaan Klinik tahun 2022, PTJ tersebut bercadang mengeluarkan Pesanan Kerajaan bagi sewaan Klinik Komuniti bagi bulan Disember dengan nilai minima dengan tujuan untuk mendapatkan nombor Pesanan Kerajaan. Pengesahan samada situasi ini memerlukan kelulusan eGPA.</p>	
<b>2.5</b>	<p><b>Peruntukan terima selepas kontrak tamat. Ini menyebabkan tanggungan tidak dapat dibuat.</b></p> <p>Kontrak tamat pada 31 Mei 2022. Peruntukan baru diterima pada 11 Ogos 2022 telah menyebabkan bayaran tidak dapat di proses. PTJ ABC sebagai pegawai meja dalam proses untuk memohon kelulusan di dalam eGPA.</p> <p>Pengesahan samada situasi ini memerlukan kelulusan eGPA.</p>	<p>Sekiranya kontrak telah tamat dan invoice telah diterima, PTJ perlu mengemukakan permohonan melalui eGPA di bawah kategori "<b>Pengecualian kepada Perolehan Kerajaan, Pembayaran Luar Kontrak</b>".</p> <p style="text-align: right;"><b>Makluman</b></p>
<b>2.6</b>	<p><b>Tidak dapat membuat tanggungan ekoran kekangan peruntukan bagi kontrak yang masih berkuatkuasa.</b></p> <p>Pembayaran utk kontrak CIT (Nama Syarikat: ABC Sdn Bhd)</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tempoh kontrak 01/01/2021-31/12/2022</li> <li>2. Dokumen kontrak baru sahaja ditandatangani oleh Pengarah di Ibu Pejabat .</li> </ol>	<p>Sekiranya kontrak masih berkuat kuasa dan invoice telah diterima, PTJ perlu mengemukakan permohonan melalui eGPA di bawah kategori "<b>Pengecualian kepada Perolehan Kerajaan, Tanpa Pesanan Pembelian Kerajaan.</b>"</p> <p style="text-align: right;"><b>Makluman</b></p>

Bil	Perkara	Keputusan Mesyuarat
	<p>Pengesahan diperlukan bagi tempoh Januari 2022 sehingga sekarang, adakah pembayaran kepada syarikat ABC Sdn Bhd perlu mendapatkan kelulusan eGPA ekoran tanggungan dalam sistem belum dibuat berikutan dengan peruntukan belum diturunkan daripada Ibu pejabat.</p>	
2.7	<p><b>Lewat membuat tanggungan ekoran kekangan peruntukan bagi kontrak yang masih berkuatkuasa.</b></p> <p>Terdapat kontrak yang lewat ditanggung oleh PTJ berpunca daripada peruntukan lewat diperolehi daripada Kementerian.</p> <p>Contoh Senario : Kontrak Pembersihan Tempoh Kontrak: 01.01.2020 – 31.12.2022 Bulan Perkhidmatan dibekalkan : Mei 2022 Tanggungan Dibuat : 24 Ogos 2022 atas alasan peruntukan diperolehi 23 Ogos 2022.</p> <p>Pengesahan samada situasi ini memerlukan kelulusan eGPA.</p>	<p>Sekiranya kontrak masih berkuat kuasa dan invois telah diterima, PTJ perlu mengemukakan permohonan melalui eGPA di bawah kategori "<b>Pengecualian kepada Perolehan Kerajaan, Tanpa Pesanan Pembelian Kerajaan.</b>"</p> <p style="text-align: right;"><b>Makluman</b></p>
2.8	<p><b>Pengeluaran pesanan bagi perolehan ubat yang tidak tertakluk pada para 5.2 dan 5.3, PK7.17</b></p> <p>Bayaran bagi Bekalan/Perkhidmatan ubatan/rawatan yang telah sempurna kepada syarikat pembekal (berdaftar dengan MOF) yang tidak dibuat melalui Pesanan Kerajaan bagi perolehan ubat yang tidak tertakluk pada para 5.2 dan 5.3, PK7.17.</p> <p>Pengesahan samada situasi ini memerlukan kelulusan eGPA.</p>	<p>Perkhidmatan atau bekalan yang tidak tertakluk kepada pengecualian di bawah para 5.2 dan 5.3, PK 7.17 hendaklah mendapat kelulusan eGPA.</p> <p style="text-align: right;"><b>Makluman</b></p>

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Keputusan Mesyuarat</b>
2.9	<p><b>Arahan Pembatalan Pesanan Kerajaan semasa penutupan akaun.</b></p> <p>Arahan pembatalan Pesanan Kerajaan semasa penutupan akaun tahunan ekoran bekalan tidak dapat disempurnakan</p> <p>Lampiran C : PAT - Perenggan 2.3.3 Pesanan Kerajaan eP yang mana tidak sempat dibuat pembayaran sebelum atau pada 30 November 2021 hendaklah dibatalkan selewat-lewatnya pada 24 Disember 2021 atau tertakluk tarikh akhir yang dimaklumkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dari semasa ke semasa.</p> <p>Pengesahan samada PTJ masih perlu mohon eGPA bagi Pesanan Kerajaan yang dibatalkan untuk teruskan bayaran pada tahun berikutnya.</p>	<p><b>JANIM</b></p> <p>Surat kelulusan Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan yang dikeluarkan oleh MOF dan JANIM merupakan dokumen sokongan kepada pembayaran bagi Pesanan Kerajaan yang telah dibatalkan sepertimana SPANM PAT. Tiada kelulusan eGPA diperlukan dalam senario ini.</p> <p><b>MOE</b></p> <p>Setuju dengan ulasan agensi seperti berikut:                      "Surat kelulusan Arahan Pembayaran Tanpa Pesanan Kerajaan yang dikeluarkan oleh MOF dan JANIM merupakan dokumen sokongan kepada pembayaran bagi Pesanan Kerajaan yang telah dibatalkan sepertimana SPANM PAT. Tiada kelulusan eGPA diperlukan dalam senario ini."</p>

**Makluman**

### 3.0 HAL – HAL LAIN

#### 3.1 PK 7.17 - Perolehan Kemudahan Perubatan Untuk Pegawai Dan Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009

PTJ XYZ memohon pengesahan mengenai perolehan yang diberi pengecualian Pesanan Kerajaan atau berkeperluan segera yang mendesak untuk tujuan menyelamatkan nyawa, sama ada bayaran boleh dibuat melalui Invois Tanpa Pesanan Kerajaan tanpa memerlukan kelulusan Kementerian Kewangan ataupun Pejabat Perakaunan.

Pihak MOF memaklumkan bahawa dalam senario tersebut, bayaran boleh dibuat melalui Invois Tanpa Pesanan Kerajaan tanpa memerlukan kelulusan Kementerian Kewangan ataupun Pejabat Perakaunan dengan syarat mempunyai peruntukan seperti yang dinyatakan di dalam perenggan 5.3 PK 7.17 (pindaan pada 31 Disember 2020).

**Makluman**